

Mengenang jasa negarawan pancaran keturunan berpekerti



**TAN SRI
DATUK
ABDUL
SAMAD
IDRIS menulis...**

TEPAT sekali kata-kata sakti dari warisan nenek moyang kita, "harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan tulang, manusia mati meninggalkan nama". Nama ditinggalkan itu tetap harum semerbak sepanjang zaman.

Dalam memenuhi hasrat rakyat untuk mengenang jasa seseorang tokoh inilah kerajaan mengadakan "Sri Taman" menjadi Memorial Tun Abdul Razak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kita merasmikan Memorial ini pada 6 Mei lalu, antara lain menegaskan bahawa, sepanjang hayatnya Tun Abdul Razak telah mengabdikan dirinya kepada bangsa dan negara. Sayangnya beliau telah meninggalkan kita dalam waktu usia yang masih muda.

Dalam ucapannya itu Datuk Seri Dr. Mahathir banyak memberikan kata-kata bernilai yang membawa eri sejarah yang memberangsangkan. Antaranya yang menarik perhatian apabila beliau mengungkapkan: "Sebagai bangsa yang agung ialah, sesuatu bangsa yang memberi nilai tinggi kepada sejarah dan yang mengambil pengajaran darinya."

Ketika Dr. Mahathir merangkai kata-kata ini, saya teringat kepada salah satu kata hikmat Presiden Sukarno yang mengingati rakyat Indonesia, "Bahawa sesuatu bangsa yang besar, ialah bangsa yang menghargai jasa pahlawannya." Walau apa pun nilai kata-kata tersebut namun ia adalah pendorong bagi kita menghargai sumbangan jasa seseorang. Kata-kata yang mengandungi hikmat sebagaimana ini dapat menimbulkan semangat seseorang untuk mengabdikan kepada bangsa dan negaranya lebih gigih. Seperti Napoleon Bonaparte yang menjadikan kata-kata guru sejarahnya sebagai pendorong kerjanya, akhirnya menjadi penakluk yang tiada tandingan.

Sepeatah kata gurnya itu: "Kau tak perlu mempelajari sejarah, tetapi kau sendiri harus mencipta sejarah." Inilah yang menjadikan Napoleon berjaya mencipta sejarahnya. Demikianlah kata-kata Dr. Mahathir itu sekiranya kita jadikan ia sebagai pendorong semangat, insya-Allah bangsa Melayu boleh menjadi bangsa yang agung.

Sepeatah kata Dr. Mahathir lagi: Dengan terbentuknya Memorial Tun Abdul Razak ini bukan berarti hendak mendewa-dewakan seseorang pemimpin, tetapi adalah untuk mengenang jasa seorang tokoh

yang telah berjasa. Mahathir melahirkan harapan agar rakyat Malaysia mengenang kembali jasa Tun Abdul Razak dan lain-lain pemimpin negara adalah atas ketulusan hati yang terpancar dari jiwa seninya. Selalunya orang-orang yang berjasa seni memang lebih banyak merasakan cetusan jiwa orang lain.

Jika dinilai dari sudut budi amat jelas seseorang yang berhemah tinggi saja memiliki pandangan mulia terhadap orang lain. Sebab itulah orang tua-tua kita mengungkapkan "Yang merah itu saga, yang kerek itu kendil, yang indah itu bahasa, yang cantik itu budi."

Bagaimanapun, masih terdapat juga sebahagian masyarakat kita melupakan nilai budi ini. Baik orang politik, baik pegawai-pegawai kerajaan malah tidak terkecuai golongan yang dikatakan 'man on the street', kerap kali mengeneipkan nilai-nilai budi yang mahal harganya kepada orang-orang tua dahulu itu. Mereka menganggap dirinya serba boleh, serba pandai, serba tahu malah lebih buruk lagi sehingga tergamak mengeluarkan kata-kata keji atau menghina orang lain. Kadang-kala kata-kata mereka itu pula lebih merupakan "mengata parang paku serpih, mengata orang aku yang lebih".

Bertolak dari sini dapatlah kita ukur nilai budi seseorang. Mereka yang rendah hati budinya sanggup melupakan jasa orang lain. Manakala mereka yang tinggi hati budinya senantiasa membawa "reami padi semakin tunduk apabila berisih". Tidak heranlah mengapa nenek moyang kita di masa silam amat menghargai budi seperti dalam pantun selokannya: pisang emas bawa belayar, masak sebiji di atas epti, hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati.

Kalau Datuk Seri Dr. Mahathir melafazkan, sesuatu bangsa yang besar ialah sesuatu bangsa yang menghargai sejarahnya, izinkan saya menambah bahawa sesuatu bangsa yang mulia ialah bangsa yang mengenang budi dan jasa yang ditabur oleh tokoh-tokohnya terdahulu. Sekiranya tidak ada yang lama, maka tidak akan ada yang baru.

Ada di antaranya "seperti si kudung dapat cincin". Bila mengambil alih tempat orang yang digantikan, berbagai-bagai keburukan disebarikan seolah-olah yang digantikannya itu tidak berbuat satu apa pun. Tetapi, bila ia mengambil alih "baru tahu tinggi langit dan dalamnya laut" dan ternyata dalam

beberapa lak mengalami kegagalan. Kata-katanya telah "memakan diri sendiri" dan "baru tahu rasanya bara api".

Orang-orang yang sedemikian sifatnya walaupun segelintir saja, tinggi rendah budi, moral dan peribadinya akan lebih malang baginya lagi kerana "kalau ia tak mahu mengenang jasa seseorang yang benar-benar berjasa, janglah diharap jasanya akan dikenang orang pula."

Kata pesanan orang-orang tua kita "menganga sebelum bercakap", sudah amat baik bagi kita sebagai satu pengajaran kerana "harimau tengkok ialah mulut, mulut bazar emas banyak, terjalak perahu boleh diundur, terjalak kata emas padahnya."

Selain dari itu, Dr. Mahathir juga menyebut tentang sejarah Sri Taman itu. Sri Taman pada mulanya dibina untuk kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri. Tetapi apabila Tun Razak menjadi Perdana Menteri beliau menjadikannya pula Sri Taman kediaman rasmi Perdana Menteri sehingga akhir hayatnya.

Beliau seterusnya menyingkap kembali detik-detik sejarah Sri Taman yang banyak meninggalkan peristiwa-peristiwa penting melibatkan negara dan rakyat Malaysia pada keseluruhannya. Walaupun Dr. Mahathir tidak menyebut peristiwa-peristiwa tersebut, tetapi rakyat umum tahu bahawa di Sri Taman inilah sering Majlis Tertinggi UMNO mengadakan sidangannya.

Dalam sidang-sidang Majlis Tertinggi UMNO itulah juga banyak keputusan yang menyentuh daseg negara telah dibuat. Seperti kita semua maklum bahawa dalam Majlis Tertinggi UMNO itulah terhimpuhnya pemimpin-pemimpin negara dari Perdana Menteri hinggalah kepada Menteri-menteri dan Menteri-menteri Besar.

Biasanya, Majlis Tertinggi UMNO bersidang di Rumah UMNO pada sebelah siang hari setelah Dewan Persidangan di Rumah UMNO diperibaki. Tetapi sebelum itu semua mesyuarat diadakan di Seri Taman. Bagaimanapun, sekiranya mesyuarat diadakan pada sebelah malam, di Sri Tamanlah tempatnya.

Sewaktu Tun Hussein Omar menjadi Perdana Menteri pernah juga mesyuarat kabinet diadakan di Sri Taman pada sebelah malam. Saya masih ingat lagi apabila sidang kabinet yang diadakan di sebelah siang berlarutan, maka ia ditangguhkan ke Sri Ta-

man pula sebelah malamnya.

Barangkali ramai orang tidak menyedari, salah satu peristiwa penting yang mencatit sejarah di Sri Taman ialah pemecatan Dr. Mahathir dari ahli UMNO dalam tahun 1970. Kedatangan Dr. Mahathir ke Sri Taman pada Mei itu bolehlah dikatakan 'tempat jatuh lagi dikenang'.

Pemecatan Dr. Mahathir tidak akan memberi apa-apa nilai sejarah sekiranya pada hari ini, beliau bukan seorang Perdana Menteri. Sebab itulah yang dikatakan oleh Dr. Mahathir, "bahawa Sri Taman itu banyak merakamkan peristiwa-peristiwa yang melibatkan negara", walaupun beliau tidak menyebut satu pemecatannya.

Begitulah Sri Taman yang tegak megah di mercu sebuah bukit yang berhampiran dengan Masjid Negara dan Taman Bunga, bangunan Parlimen yang menjadi lambang demokrasi negara kelihatan jelas putih menjulang keangkasa, itulah dia memorial Tun Abdul Razak hasil inspirasi Dr. Mahathir sendiri.

Apa yang berlaku ke atas Dr. Mahathir setelah dipecat dari menjadi ahli UMNO mungkin tidak penting kalau beliau tidak muncul semula di dalam UMNO. Tidak bertanding semula menjadi ahli Parlimen. Tidak menjadi pemimpin UMNO dan Perdana Menteri yang memegang teraju negara. Disababkan Dr. Mahathir mencapal kedudukan seperti sekaranglah maka pemecatan beliau dari UMNO dulu amat penting dalam sejarah pergolakan politik tanahair yang tidak seharusnya dilupakan dalam detik-detik peristiwanya.

Kalau hendak diuraikan satu peratu keputusan yang diambil dalam Majlis Tertinggi UMNO semasa mengadakan sidang di Sri Taman, tentulah terlalu panjang. Namun sejarah Sri Taman adalah sesuatu yang tidak harus dilupakan oleh warisan kita di masa akan datang.

Mengenal kembali jasa pahlawan bangsa adalah kebanggaan setiap bangsa di dunia ini. Sebab itulah apa yang terpancar dari ungkapan kata-kata Dr. Mahathir seakan-akan seperti pengucapan rangsangan Presiden Sukarno beberapa tahun lampau.

Memorial Tun Abdul Razak yang kita lihat sekarang bukanlah sesuatu yang baru. Di manamana negara pun di dunia ini seperti di negarannya barat telah membuat monument, muzium dan lain-lain bagi mengingati pahlawan-pahlawan negaranya yang berjasa.

Demikian juga di negara-negara komunis. Mereka mengingati pahlawan-pahlawan negaranya lebih menjulang tinggi seperti dewa-dewa.

Ketika saya berpuelung melawat Peking dalam tahun 1980, saya telah dibawa melawat sebuah muzium besar. Di muzium itu diabadikan Memorial Mendiang Chou En-Lai bekas Perdana Menteri Republik Rakyat China. Kalau kita bandingkan dengan Muzium Negara atau memorial Tun Abdul Razak, ternyata kedua-duanya belum bererti apa-apa.

Begitu juga dengan kesempatan yang saya lihat di Pyongyang, Korea Utara. Sebuah memorial memaparkan dan mengabadikan perjuangan Presiden Kim Il Sung, walaupun beliau masih hidup lagi. Sejarahnya dari masa kecil sehingga sekarang telah dirakamkan dengan begitu aneh. Apa yang saya lihat dari Korea Utara memorialnya memang lebih hebat dari negara-negara Eropah yang pernah saya lawat. Malah lebih hebat lagi dari Memorial Chou En Lai sendiri.

Di Muzium kenangan ini dibina lembaga Kim Il Sung setinggi "pokok nyior seko". Patung tersebut terletak di hadapan muzium. Ia dibuat daripada tembaga tulen, di bawah patung ini di sekelilingnya dibina pula patung-patung dari tembaga juga yang menggambarkan perjuangan rakyat Korea Utara berjuang menubuh kembali kemerdekaan tanahairnya.

Selain daripada itu rumah tempat lahir Kim Il Sung terletak di sebuah kampung tidak jauh dari Pyongyang juga telah dipelihara dengan baik. Tempat ini menjadi tumpuan pelawat-pelawat yang berkesempatan melawat Pyongyang yang sengaja diaturkan.

Demikianlah penghargaan bangsa Korea Utara kepada tokohnya. Apakah rakyat Malaysia mahu mengangap sepi kepada pahlawan bangsanya? Memorial Tun Abdul Razak adalah langkah permulaan kita ke arah tersebut. Jika dibandingkan dengan memorial-memorial yang telah saya lawat itu, Memorial Tun Abdul Razak yang terletak di Sri Taman itu belum ada erti apa-apa lagi.

Bagaimanapun, bagi kita di Malaysia Memorial Tun Abdul Razak itu sudah cukup membawa erti besar pada sejarah dan perjuangan negara yang telah dilalui oleh salah seorang anak wanitanya.

Sebab itulah Dr. Mahathir menekankan, "Sejarah adalah gedung pengalaman, satu drama yang tidak berakhir — penuh dengan watak-watak yang mempengaruhi detik-detik yang dilalui. Sejarah akan memberi kepada kita tenaga dan juga landasan di dalam menempa masa depan kita."